

Mahu berkongsi kegemilangan

Kosmo m/s 9 5/10/07

Oleh KHAIRUNNISA SULAIMAN

HARI ini mungkin tidak banyak membawa makna kepada kita kecuali kepada sesiapa yang menyambut ulang tahun kelahirannya. Tetapi tahukah anda bahawa tanggal 4 Oktober merupakan tarikh keramat bagi perkembangan dunia sains angkasa apabila 50 tahun lepas, sebuah roket telah berjaya memasuki ruang angkasa.

Kejayaan roket Sputnik dari Rusia memasuki ruang orbit telah membuka mata dunia terutama Amerika Syarikat mengenai kehebatan teknologi sains angkasa Rusia dan seterusnya mencetuskan satu 'perang' baru iaitu perang kemajuan teknologi angkasa lepas.

Setelah 50 tahun berlalu, Malaysia yang menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-50 tahun ini amat beruntung kerana dapat berkongsi kegemilangan dan kepakaran Rusia itu untuk sama-sama 'menakluk' angkasa dengan penyertaan seorang angkasawan Malaysia ke misi ke Stesen Angkasa Antarabangsa pada 10 Oktober ini.

Duta Rusia ke Malaysia, Alexander Karchava menyifatkan penghantaran angkasawan Malaysia merupakan satu langkah besar negara



DUA calon angkasawan negara, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor (kiri) dan Kapten Dr. Faiz Khaleed bergambar di modul kapal angkasa Sojuz semasa sesi latihan di Star City, Moscow, Rusia baru-baru ini.

angkasa amat berpotensi kerana banyak teknologi yang diuji di angkasa dan digunakan di bumi serta terdapat peluang yang sangat luas dalam bidang sains.

Bidang industri angkasa juga dapat membantu remaja dan generasi muda supaya lebih berminat terhadap sains seperti angkasawan, rekaan roket, kejuruteraan, angkasa serta penyelidikan.

Menyusuri program angkasawan yang diumumkan seramai 15,000 rakyat Malaysia mendaftar.

Malah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis juga menyertai ujian pertama angkasawan iaitu larian tiga sejauh kilometer.

Ini menunjukkan minat pemimpin dan rakyat yang begitu mendalam terhadap projek angkasawan dan terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia.

Karchava berkata, program angkasawan merupakan yang terbesar pernah dijalankan dan pihaknya bersedia menjalin kerjasama dengan Malaysia terutama dalam bidang pendidikan dan perubatan.

Rusia gembira kerana kerjasama dengan Malaysia bukan sahaja dalam bidang perubatan, malah juga sains angkasa.

Kemajuan Sains, Teknologi dan Inovasi

upakan satu langkah besar negara ini dalam memasuki era sains dan teknologi angkasa.

Beliau menyifatkan program angkasan merupakan satu program *offset* pembelian pesawat Sukhoi yang amat menarik perhatian.

“Secara peribadi saya amat bangga dengan kejayaan Malaysia menghantar angkasan pertama menggunakan roket Soyuz dan ia akan menjadi langkah pertama untuk mendalami bidang sains dan teknologi angkasa,” katanya pada sidang akhbar di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Mengenang kembali peristiwa Spútik dilancarkan 50 tahun lalu, Karchava berkata, ia telah menjadi satu titik permulaan kepada perkembangan sains dan teknologi di Rusia serta diharap akan memberi kesan yang sama kepada Malaysia.


“Setelah 50 tahun, banyak kemajuan yang dicapai dalam pelbagai bidang sains dan teknologi selepas pelbagai kajian dapat dijalankan di ruang angkasa,” katanya yang tertarik dengan tarikh penghantaran angkasan Malaysia yang disifatkan Karchava amat signifikan dengan sambutan ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara dan era angkasa di Rusia.

Tarikh 10 Oktober memang amat bermakna memandangkan Malaysia masih meraikan kemerdekaan dan pada bulan yang sama 50 tahun lalu Spútnik dilancarkan.

Perjalanan selama 48 jam menggunakan roket Soyuz buatan Russia bakal membawa tiga angkasan dari Malaysia, Amerika Syarikat (AS) dan Rusia ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).

Kajian di angkasa yang dijalankan oleh angkasan Rusia memberikan pelbagai kemajuan meliputi penjelajahan angkasa, pembinaan dan pembangunan roket yang lebih baik. Kajian juga melibatkan bidang ke-

FAKTA MENARIK



- **Roket pertama mencapai angkasa lepas - A-4, sebuah roket V-2 yang dilancarkan semasa Perang Dunia Kedua dari Jerman pada 3 Oktober 1942.**
- **Satelit pertama mengorbit Bumi: Spútnik 1 dari Rusia pada 4 Oktober 1957.**
- **Haiwan pertama ke angkasa lepas - Laika, seekor anjing, telah dilancarkan ke angkasa lepas di atas Spútnik 2 dari Rusia pada 3 November 1957. Laika mati beberapa jam selepas pelancaran berikutan stres dan haba yang melampau, mungkin akibat kerosakan sistem pengawal haba.**

tenteraan dan telekomunikasi di angkasa yang memberikan kesan besar kepada Rusia.

Selain itu, kajian di angkasa juga memberikan pelbagai kemajuan dalam bidang perubatan dan langkah angkasan Malaysia untuk menjalankan kajian dalam bidang tersebut akan memberi faedah kepada negara ini dan dunia.

Karchava percaya, Malaysia akan mendapat faedah yang besar dalam

pembangunan negara dengan teretusnya era angkasa.

“Dari segi psikologi pula, seluruh rakyat Malaysia harus bangga dengan kejayaan menghantar angkasan pertama,” katanya.

Malaysia juga dapat meningkatkan piawaian antarabangsa dengan bersama-sama dengan keluarga angkasa.

Idea yang dicetuskan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir

Mohamad dapat merangsang generasi muda meneroka dan mendalami ilmu angkasa yang nyata masih baru di Malaysia.

Karchava berkata, angkasan Malaysia bukan pelancong atau penumpang roket Soyuz, tetapi mereka merupakan penyelidik yang membawa aspirasi rakyat dan misi negara.

Kenyataan beliau itu sebagai menjawab tuduhan beberapa pihak yang mengatakan angkasan Malaysia hanyalah penumpang atau pelancong di angkasa.

“Sebenarnya tanggapan itu silap kerana angkasan perlu tinggal di sana untuk menjalankan beberapa kajian saintifik,” katanya.

Ia termaktub dalam perjanjian komponen penyelidikan yang telah ditandatangani iaitu angkasan Malaysia perlu menjalankan kajian bagi Rusia dan sebaliknya.

Karchava berkata, penerokaan angkasa mencipta lebih banyak pekerjaan dan setiap kajian di angkasa bakal menyumbang kepada sains asas di Rusia.

“Ini merupakan satu idea realistik yang patut diikuti oleh Malaysia untuk melangkah ke era angkasa,” katanya.

Sebelum ini Malaysia sudah lama menjalin kerjasama dengan Rusia dengan pelancaran satelit TiungSAT dan MEASAT yang menggunakan roket Rusia, selain komunikasi, pengumpulan data dan pembangunan saintifik.

Karchava berkata, pembangunan industri

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mempunyai rancangan selepas projek angkasan seperti angkasan akan mendidik pelajar mengenai potensi penyelidikan negara.

Angkasan negara akan bersama-sama dengan kumpulan antarabangsa iaitu Malaysia, Rusia dan AS.

“Kami berharap program angkasan merupakan satu permulaan kecil bagi langkah yang lebih besar selepas ini terutama dalam bidang sains dan teknologi,” kata Karchava.

Rusia sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam pelbagai bidang terutama dalam bidang sains dan teknologi, ujarnya.



ALEXANDER
KARCHAVA